

Tidak boleh berucap di masjid, surau

Wakil rakyat di Perak dilarang beri ceramah di masjid, surau selaras titah sultan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Semua wakil rakyat tidak dibenarkan memberi ucapan di masjid dan surau di negeri Perak walaupun memiliki tauliah mengajar daripada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Manan Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perkara itu selaras dengan perketiling diketukukkan JAIPk me-

ngenai titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang tidak membenarkan ahli politik berucap atau menyampaikan ceramah di masjid dan surau di negeri ini.

Menurutnya, sehubungan itu, semua pihak terutama wakil rakyat perlu akur dan menghormati pekeliling berkenaan walaupun sebelum ini mereka aktif membentuk kujah serta berceramah.

"Saya ni Menteri Besar merangkap Eco Agama Islam, banyak kali saya hadir solat Jumaat, pengurus masjid bangun untuk menjemput saya berucap, tapi saya kekal dengan titah Tuarku maka saya tidak berucap sebab saya orang politik."

"Saya faham ada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebelum ini merupakan pemegang tauliah atau ustaz tapi sekaran dia telah pun menjadi wakil rakyat, bermakna dia orang politik.



Saarani menasihahkan semua wakil rakyat untuk akur pekeliling yang dikeluarkan JAIPk berhubung larangan berucap di masjid dan surau.

Jadi dia tertiukuk dan tenka dia dengan pekeliling tersebut seperti mana juga saya," katanya kepada pemberita selepas pro-

gram Selamat Pagi Cikgu Saarani di Perak FM Jabatan Penyiaran Negeri Perak di sini pada Selasa.

Saarani berkata, sekiranya ada mana-mana individu yang ingkar titah berkenaan, tauliah mengajarinya mungkin akan ditarik balik.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas hantaran di Face book oleh bekas ADUN Titi Serong, Hasnul Zulkarnain Abd Munaim yang mempersoalkan tindakan seorang ADUN dijemput menyampaikan ceramah di sebuah masjid di negeri ini.

JAIPk dalam satu pekeliling pada 26 Oktober lalu melarang sebarang aktiviti berbaur politik di masjid, surau diri Jumaat dan surau di negeri ini susulan titah Sultan Nazrin pada Persidangan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid Penngkat Negeri Perak pada 24 Oktober 2019.

Menurut pekeliling tersebut, larangan berkenaan bertujuan menjaga kemuliaan masjid, surau diri Jumaat dan surau.